

KHUTBAH JUMAAT

“MEMELIHARA BUMI KURNIAAN ALLAH TA'ALA”
(31 Oktober 2025M/ 9 Jamadilawal 1447H)

الْحَمْدُ لِلَّهِ، الْحَمْدُ لِلَّهِ الْخَبِيرِ الْحَكِيمِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ الْوَاحِدُ الْقَوِيُّ الْمَتِينُ. وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ صَادِقُ الْوَعْدِ الْأَمِينِ. اَللّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ، أُوصِيكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللَّهِ. فَقَدْ فَازَ مَنْ اتَّقَى وَخَابَ مَنْ عَصَى.

Kaum Muslimin yang dirahmati Allah,

Marilah kita bersama-sama memperkuat iman dan takwa kepada Allah *subhanahu wata'ala*. Tunaikanlah segala perintah-Nya dan tinggalkanlah segala larangan-Nya. Sesungguhnya, iman dan takwa itulah jalan memperoleh kejayaan dan kebahagiaan di dunia ini dan di akhirat nanti.

Berilah sepenuh perhatian kepada khutbah yang disampaikan. Janganlah leka dengan berbual, bermain telefon dan lain-lain perkara yang boleh menghapuskan pahala Jumaat kita. Pada hari ini, khatib akan membicarakan tajuk yang amat penting buat kita iaitu **“Memelihara Bumi Kurniaan Allah Ta'ala”**.

Kaum Muslimin yang dirahmati Allah,

Islam bukan sahaja menuntut kita menjaga ibadah khusus seperti

solat, puasa, zakat dan haji, tetapi juga memerintahkan kita memelihara hubungan dengan manusia, haiwan, tumbuhan serta seluruh alam sekitar. Firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam Surah al-A'raf, ayat 56:

وَلَا تُفْسِدُوا فِي الْأَرْضِ بَعْدَ إِصْلَاحِهَا وَادْعُوهُ خَوْفًا وَطَمَعًا إِنَّ رَحْمَتَ اللَّهِ قَرِيبٌ مِّنَ الْمُحْسِنِينَ (٥٦)

Maksudnya: *Dan janganlah kamu berbuat kerosakan di bumi sesudah Allah menyediakan segala yang membawa kebaikan padanya, dan berdoalah kepada-Nya dengan perasaan bimbang (kalau-kalau tidak diterima) dan juga dengan perasaan terlalu mengharap (supaya makbul). Sesungguhnya rahmat Allah itu dekat kepada orang yang memperbaiki amalannya.*

Imam al-Qurtubi *rahimahullah* ketika menjelaskan tafsiran ayat tadi dalam kitabnya *Tafsir al-Qurtubi* menyatakan bahawa Allah *subhanahu wata'ala* menegah segala perkara yang merosakkan (fasad) sama ada sedikit atau banyak setelah adanya kebaikan sama ada sedikit atau banyak.

Dengan itu, jelas kepada kita bahawa Allah *subhanahu wata'ala* melarang manusia daripada melakukan kerosakan terhadap alam sekitar. Kerosakan itu termasuklah pencemaran udara dan air, pembaziran sumber semula jadi, penebangan hutan tanpa kawalan, pencemaran plastik dan pembuangan sisa toksik. Semua ini memberi kesan buruk kepada kehidupan manusia, makhluk lain dan kesejahteraan generasi akan datang.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Manusia telah diangkat oleh Allah *subhanahu wata'ala* sebagai khalifah di bumi. Firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam Surah Al-Baqarah, ayat 30:

وَإِذْ قَالَ رَبُّكَ لِلْمَلَائِكَةِ إِنِّي جَاعِلٌ فِي الْأَرْضِ خَلِيفَةً...^ط

Maksudnya: *Dan (ingatlah) ketika Tuhanmu berfirman kepada Malaikat; "Sesungguhnya Aku hendak menjadikan seorang khalifah di bumi"...*

Tanggungjawab khalifah bukanlah untuk merosakkan atau mengeksploitasi bumi, tetapi untuk memelihara, mengurus dan memanfaatkan sumbernya dengan adil dan lestari. Daripada Abu Sa'id al-Khudri *radiallahu anhu* bahawa Nabi *sallallahu alaihi wasallam* bersabda:

((إِنَّ الدُّنْيَا حُلْوَةٌ خَضِرَةٌ وَإِنَّ اللَّهَ مُسْتَخْلِفُكُمْ فِيهَا فَيَنْظُرُ كَيْفَ تَعْمَلُونَ فَاتَّقُوا الدُّنْيَا وَاتَّقُوا النِّسَاءَ فَإِنَّ أَوَّلَ فِتْنَةٍ بَنِي إِسْرَائِيلَ كَانَتْ فِي النِّسَاءِ))

Maksudnya: *Sesungguhnya dunia ini manis lagi menghijau dan sesungguhnya Allah subhanahu wata'ala menyerahkan urusan dunia ini kepada kamu semua. Lalu Dia akan melihat bagaimana kamu melakukannya. Berhati-hatilah dengan dunia dan juga wanita. Sesungguhnya ujian pertama yang berlaku ke atas Bani Israel adalah berkaitan wanita.*

(Hadis riwayat Imam Muslim)

Hadis tadi mengingatkan kepada kita bahawa Allah *subhanahu wata'ala* sentiasa memerhatikan bagaimana kita menjaga alam yang dipinjamkan kepada kita. Maka, mengabaikan kebersihan, membuang sampah merata-rata, mencemarkan sungai, atau menebang pokok tanpa kawalan, adalah antara perbuatan yang bertentangan dengan amanah Allah *subhanahu wata'ala* untuk menjaga alam.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Kita sering mendengar tentang bencana alam seperti banjir besar, tanah runtuh, pencemaran udara akibat jerebu, kepupusan hidupan liar dan perubahan iklim. Banyak daripada musibah ini berpunca daripada tangan-tangan iaitu perbuatan manusia sendiri. Firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam Surah ar-Rum, ayat 41:

ظَهَرَ الْفَسَادُ فِي الْبَرِّ وَالْبَحْرِ بِمَا كَسَبَتْ أَيْدِي النَّاسِ لِيُذِيقَهُمْ بَعْضَ
الَّذِي عَمِلُوا لَعَلَّهُمْ يَرْجِعُونَ (٤١)

Maksudnya: *Telah timbul berbagai kerosakan dan bala bencana di darat dan di laut dengan sebab apa yang telah dilakukan oleh tangan manusia; (timbulnya yang demikian) kerana Allah hendak merasakan mereka sebahagian dari balasan perbuatan-perbuatan buruk yang mereka telah lakukan, supaya mereka kembali (insaf dan bertaubat).*

Oleh itu, kesedaran menjaga alam sekitar bukanlah isu pinggiran, tetapi sebahagian daripada tuntutan iman. Menjaga alam adalah

ibadah apabila ia dilakukan dengan niat untuk mentaati Allah *subhanahu wata'ala*.

Marilah kita mengambil pengajaran bahawa bumi ini adalah amanah Allah *subhanahu wata'ala* yang mesti dipelihara. Mengabaikan alam sekitar bererti mengkhianati amanah Allah *subhanahu wata'ala*. Oleh itu, setiap daripada kita hendaklah memulakan langkah menjaga kebersihan, mengurangkan pembaziran, memelihara sumber air, mengurangkan pencemaran plastik, menyokong usaha penanaman pokok, dan mendidik anak-anak agar membesar dengan sifat cintakan alam sekitar.

Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* mengajar kita bahawa menjaga alam bukan sahaja memberi manfaat di dunia, malah menjadi amalan yang berpanjangan ganjarannya di akhirat. Maka, marilah kita sama-sama menjadi hamba Allah yang beriman, beramal soleh dan berperanan sebagai khalifah yang amanah di muka bumi.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Menjaga alam sekitar boleh dimulakan dengan langkah-langkah kecil yang memberi kesan besar, antaranya:

1. Mengurangkan pembaziran - sama ada makanan, air atau tenaga. Nabi *sallallahu alaihi wasallam* menegur sahabat yang berlebihan menggunakan air ketika berwuduk.
2. Menjaga kebersihan persekitaran dengan cara mengelakkan diri daripada membuang sampah di jalanan, sungai, laut atau tempat awam.

3. Mengurangkan penggunaan plastik sekali guna dengan mengamalkan penggunaan beg guna semula, botol dan bekas mesra alam.

4. Menyokong penanaman pokok dan pemuliharaan hutan. Daripada Anas bin Malik *radiallahu anhu* bahawa Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* bersabda:

((مَا مِنْ مُسْلِمٍ يَغْرِسُ غَرْسًا أَوْ يَزْرَعُ زَرْعًا فَيَأْكُلُ مِنْهُ طَيْرٌ أَوْ إِنْسَانٌ أَوْ بَهِيمَةٌ إِلَّا كَانَ لَهُ بِهِ صَدَقَةٌ))

Maksudnya: *Sesiapa dari kalangan orang Islam yang bercucuk tanam, kemudian dimakan oleh burung, manusia atau binatang tiada yang lain kecuali baginya sebagai sedekah."*

(Hadis riwayat Imam al-Bukhari).

5. Mendidik generasi muda agar mereka membesar dengan sikap cinta kepada alam sekitar.

Marilah kita menjadikan khutbah hari in sebagai peringatan bahawa menjaga alam sekitar adalah amanah Allah *subhanahu wata'ala*, sebahagian daripada ibadah, dan pelaburan untuk generasi masa depan.

Akhirnya, marilah kita bersama-sama menghayati firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam Surah al-Qasas, ayat 77:

اعُوْذُ بِاللّٰهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيْمِ. بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ.
وَابْتَغِ فِيمَا ءَاتٰكَ اللّٰهُ الدّٰرَ الْآخِرَةَ ۖ وَلَا تَنْسَ نَصِيْبَكَ مِنَ الدُّنْيَا ۖ
وَأَحْسِنْ كَمَا أَحْسَنَ اللّٰهُ إِلَيْكَ ۖ وَلَا تَبْغِ الْفُسَادَ فِي الْأَرْضِ ۖ إِنَّ اللّٰهَ لَا
يُحِبُّ الْمُفْسِدِيْنَ (٧٧)

Maksudnya: Dan tuntutlah dengan harta kekayaan yang telah dikurniakan Allah kepadamu akan pahala dan kebahagiaan hari akhirat dan janganlah engkau melupakan bahagianmu (keperluan dan bekalanmu) dari dunia; dan berbuat baiklah (kepada hamba-hamba Allah) sebagaimana Allah berbuat baik kepadamu (dengan pemberian nikmatNya yang melimpah-limpah); dan janganlah engkau melakukan kerosakan di muka bumi; sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang yang berbuat kerosakan.

بَارَكَ اللّٰهُ لِيْ وَلَكُمْ فِي الْقُرْءَانِ الْعَظِيْمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيْهِ مِنَ الْآيَاتِ
وَالذِّكْرِ الْحَكِيْمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّيْ وَمِنْكُمْ تِلَاوَتُهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيْعُ الْعَلِيْمُ. أَقُولُ
قَوْلِيْ هَذَا، وَأَسْتَغْفِرُ اللّٰهَ الْعَظِيْمَ لِيْ وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِيْنَ وَالْمُسْلِمَاتِ
وَالْمُؤْمِنِيْنَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ فَاسْتَغْفِرُوْهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُوْرُ
الرَّحِيْمُ.

KHUTBAH JUMAAT KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ. الْحَمْدُ لِلَّهِ حَمْدًا كَثِيرًا كَمَا أَمَرَ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.

Kaum Muslimin yang dirahmati Allah,

Marilah kita terus mengimarahkan masjid dan surau dengan solat fardu berjemaah dan majlis-majlis ilmu. Bimbinglah ahli keluarga kita agar tetap menjaga solat lima waktu.

Perkukuhkanlah perpaduan dengan sikap saling menghormati dan bekerjasama sesama masyarakat. Inilah asas kestabilan, kemakmuran dan keharmonian Sarawak dan negara kita, Malaysia. Pastikan juga rezeki yang kita peroleh adalah halal lagi baik, kerana makanan yang halal adalah sumber keberkatan hidup. Daripada Abu Hurairah *radiallahu anhu* bahawa Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* telah bersabda:

((أَيُّهَا النَّاسُ إِنَّ اللَّهَ طَيِّبٌ لَا يَقْبَلُ إِلَّا طَيِّبًا ...))

Maksudnya: *Wahai manusia! Sesungguhnya Allah itu Maha Baik, dan Dia tidak menerima melainkan yang baik.*

(Hadis riwayat Imam Muslim)

Kaum Muslimin yang dikasihi,

Hidup beragama bukan hanya pada ibadah, tetapi juga dengan

menjauhi perkara yang merosakkan. Justeru, hendaklah kita menjauhkan diri dan keluarga daripada gejala penyalahgunaan dadah, perjudian dan segala bentuk maksiat. Semua ini hanya membawa kepada kehancuran hidup dan meruntuhkan masa depan umat.

Pada hari yang mulia ini juga, perbanyakkanlah selawat ke atas Nabi Muhammad *sallallahu alaihi wasallam* seperti yang diperintahkan oleh Allah *subhanahu wata'ala* dalam Surah al-Ahzab, ayat 56:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا.

اَللّٰهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ اٰلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَىٰ سَيِّدِنَا اِبْرَاهِيْمَ وَعَلَىٰ اٰلِ سَيِّدِنَا اِبْرَاهِيْمَ، وَبَارِكْ عَلَىٰ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ اٰلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا بَارَكْتَ عَلَىٰ سَيِّدِنَا اِبْرَاهِيْمَ وَعَلَىٰ اٰلِ سَيِّدِنَا اِبْرَاهِيْمَ، فِي الْعَالَمِيْنَ، اِنَّكَ حَمِيْدٌ مَّجِيْدٌ.

وَارْضَ اللّٰهُمَّ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِيْنَ الْمُهَدِّيْنَ، سَادَاتِنَا اَبِيْ بَكْرٍ وَعُمَرُ وَعُثْمَانُ وَعَلِيٌّ، وَعَنِ الصَّحَابَةِ وَالتَّابِعِيْنَ لَهُمْ بِاِحْسَانٍ اِلَى يَوْمِ الدِّيْنِ. اَللّٰهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِيْنَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِيْنَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْاَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْاَمْوَاتِ. اِنَّكَ سَمِيْعٌ قَرِيْبٌ مُّجِيْبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ.

Ya Allah, Ya Rahman, Ya Rahim, bantulah saudara-saudara kami di mana sahaja mereka berada, khususnya di bumi Palestin. Kurniakanlah mereka perlindungan, keamanan, dan kemenangan. Angkatlah segala penderitaan, kesedihan, peperangan dan permusuhan daripada mereka dengan rahmat-Mu, wahai Tuhan Yang Maha Pengasih.

Ya Allah, Ya Ghaffaar, ampunilah segala dosa-dosa kami, ibu bapa kami, keluarga dan guru-guru kami. Limpahkanlah kepada kami kesejahteraan dan kebahagiaan di dunia dan di akhirat.

Ya Allah, Ya Hadi, Ya Hakim, berikanlah taufiq dan hidayat-Mu kepada kami semua dan juga kepada pemimpin-pemimpin Negara kami, khasnya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Malaysia, dan juga pemimpin-pemimpin negeri kami, khususnya Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak.

Ya Allah, Ya Hafiz, Jadikanlah kami umat yang berintegriti, bersatu-padu, dan umat yang terbilang dalam semua bidang yang kami ceburi demi mendukung negara yang maju dan makmur serta mendapat perlindungan-Mu, ya Allah.

Ya Allah, Ya Dzal Jalali wal Ikram, kekalkanlah perpaduan kami atas pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah. Limpahkanlah nikmat keselamatan, kesihatan, dan ketenangan, serta lindungilah kami daripada segala musibah, wabak dan bala yang tidak diingini.

رَبَّنَا أُنْتَ فِي الدُّنْيَا حَسَنَةٌ وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةٌ وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ. أَمِينَ،
أَمِينَ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

عِبَادَ اللَّهِ. إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ. وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ
الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ. يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ. فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ
يَذْكُرْكُمْ. وَاشْكُرُوهُ عَلَىٰ نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ. وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِيكُمْ. وَلَذِكْرُ
اللَّهِ أَكْبَرُ. وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ. أَقِيمُوا الصَّلَاةَ.